

Kritikan Terhadap Buku *Taysīr Muṣṭalāh al-Ḥadīth*: Analisis Karya Islāh al-Istilāh Oleh Tāriq ‘Iwaḍullah

[Critique Of The Book Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth: An Analysis Of Islāh Al-Istilāh's Work By Tāriq ‘Iwaḍullah]

Ali Abdul Jalil¹, Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi², Khalilullah Amin Ahmad³, Mohd Aizul Yaakob⁴

- ¹ Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. Email: ali.abduljalil94@yahoo.com.
- ² (Corresponding Author) Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia. Email: dzuldzulraidi@gmail.com.
- ³ Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan 11800 Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, Malaysia. Email: amin@usm.my.
- ⁴ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. Email: aizulyaakob@kuips.edu.my.

ABSTRACT

The science of Muṣṭalah al-Ḥadīth is one of the most important branches in the study of hadith. Therefore, the selection of a quality curriculum is crucial for fostering a holistic understanding among students. In Malaysian higher education institutions, the chosen syllabus for this subject is the book Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth by Mahmud al-Ṭaḥḥān. However, Tāriq ‘Iwaḍullah has authored a critical work scrutinizing Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth, particularly in the discussion of definitions of terms, raising concerns about the credibility of the book to continue as the main curriculum. Consequently, this study represents a critical analysis of Islāh al-Istilāh by Tāriq ‘Iwaḍullah to determine the relevance of Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth as the primary syllabus in Malaysian higher education institutions. The research employs a qualitative approach, utilizing documentation as the data collection method and content analysis as the means of data analysis. The study concludes that Tāriq highlights two main issues: first, al-Ṭaḥḥān’s approach of sufficing with a single definition without discussing differing scholarly views, and second, the accuracy of several definitions that are perceived as inconsistent with classical scholarly perspectives. Despite these criticisms, the study finds that al-Ṭaḥḥān consciously adopted a simplified approach to facilitate understanding for beginner students. The study suggests conducting similar analyses on other Muṣṭalah al-Ḥadīth texts to ensure the discourse on hadith sciences continues to evolve critically and dynamically.

Keywords: *Mustalah al-Ḥadīth; Taysīr Mustalah al-Ḥadīth; Mahmud al-Ṭaḥḥān; Ṭāriq ‘Iwaḍullah; Islāh al-Istilāh*

ABSTRAK

Ilmu *Mustalah al-Ḥadīth* merupakan salah satu cabang ilmu terpenting dalam hadith. Justeru pemilihan silibus berkualiti bakal menatijahkan kefahaman holistik kepada para pelajar. Di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia, silibus yang menjadi pilihan dalam subjek ini adalah buku *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth* oleh Mahmud al-Ṭaḥḥān. Namun demikian, Ṭāriq ‘Iwaḍullah telah mengarang satu karya kritikan terhadap buku *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth* khususnya dalam perbincangan definisi-definisi istilah seterusnya menimbulkan tanda tanya mengenai kredibiliti buku tersebut untuk terus digunakan sebagai silibus utama. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan analisis kritikal terhadap karya *Islāh al-Istilāh* oleh Ṭāriq ‘Iwaḍullah bagi mengenal pasti relevansi buku *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth* terus dijadikan silibus utama di institusi pengajian tinggi Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah dokumentasi sebagai pengumpulan data dan menjadikan metode analisis kandungan sebagai cara menganalisa data. Hasil daripada kajian merumuskan Ṭāriq mengemukakan dua isu utama, yang pertama; pendekatan al-Ṭaḥḥān yang memadai dengan satu takrif tanpa membahaskan perbezaan pandangan para sarjana. Manakala yang kedua; ketepatan beberapa takrifan yang dianggap tidak selari dengan pandangan ilmuan silam. Walaupun kritikan tersebut dikemukakan, kajian ini mendapati bahawa al-Ṭaḥḥān secara sedar memilih pendekatan ringkas bagi memudahkan pemahaman pelajar pada peringkat permulaan. Kajian mencadangkan analisis dilakukan dalam isu yang sama terhadap buku-buku *mustalah al-ḥadīth* yang lain agar perbincangan ilmu hadith terus dapat dijana dan disemarakkan.

Kata Kunci: *Mustalah al-Ḥadīth; Taysīr Mustalah al-Ḥadīth; Mahmud al-Ṭaḥḥān; Ṭāriq ‘Iwaḍullah; Islāh al-Istilāh*

How to Cite:

Received: 31-01-2025

Revised: 5-05-2025

Accepted: 18-05-2025

Published: 21-05-2025

Jalil, A. A., Dzulraidi, D. H., Ahmad, K. A. & Yaakob, M. A. (2025). Kritikan Terhadap Buku *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth*: Analisis Karya *Islāh al-Istilāh* Oleh Ṭāriq ‘Iwaḍullah. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 78-93.

1. Latar Belakang Kajian

Perbincangan mengenai takrif sesuatu istilah merupakan aspek penting yang diberi perhatian oleh para sarjana dalam pelbagai disiplin ilmu (Halimah

Ahmad, 2015). Hal ini kerana proses pengajaran, pembelajaran dan pertukaran idea antara manusia bergantung kepada bahasa dan istilah yang digunakan. Setiap istilah mesti mempunyai makna tertentu yang difahami secara jelas bagi mengelakkan kekeliruan (Al-Jawharī, 2012).

Perhatian terhadap definisi dan takrif ini turut diambil serius dalam disiplin ilmu hadith, di mana pengenalan kepada istilah dalam *Muṣṭalah al-Ḥadīth* menjadi subjek utama yang dipelajari oleh pelajar hadith (Dzulfaidhi, 2024). Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* merupakan sebahagian *furu'* dalam ilmu hadith dan juga dikenali sebagai ilmu *Uṣūl al-Ḥadīth* dan '*Ulūm al-Ḥadīth*' (Mohd Sobali et. al., 2011). Penguasaan terhadap istilah-istilah ini adalah asas penting dalam memahami kaedah dan prinsip yang digunakan oleh para *muhaddithīn* dalam menilai status sesuatu hadith (Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi, 2024). Hal demikian menyebabkan para sarjana Islam telah memainkan peranan sebagai perintis kepada pengajian *Muṣṭalah al-Ḥadīth* bermula sejak era awal Islam sehingga era kegemilangan ilmu dalam Islam pada sekitar abad ke-3 hijrah sehingga abad ke-7 hijrah (Abdul Halim et al., 2019).

Antara karya yang terkenal dalam bidang *Muṣṭalah al-Ḥadīth* ialah buku *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* karya Mahmud al-Ṭaḥḥān. Buku ini telah mendapat sambutan meluas dalam kalangan pelajar agama khususnya dalam pengajian hadith. Lebih-lebih lagi di Malaysia, ia menjadi rujukan utama dalam silibus beberapa institusi pengajian tinggi. Sebagai contoh, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) dan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) menjadikan buku ini sebagai teks utama bagi kursus berkaitan ilmu hadith (Khalilullah Amin Ahmad et al., 2023).

Namun begitu, Tāriq 'Iwaḍullah telah menulis sebuah karya khusus bertajuk *Islāh al-Isṭilāh* yang mengkritik kandungan buku *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Dalam karya tersebut, beliau meneliti dan mempertikaikan beberapa aspek penting, terutamanya berkaitan takrif-takrif istilah hadith yang dikemukakan oleh Mahmud al-Ṭaḥḥān. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kritikan yang dikemukakan oleh Tāriq 'Iwaḍullah dari sudut definisi istilah dalam buku *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* serta implikasinya terhadap kefahaman dalam ilmu hadith kontemporari. Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Menganalisis definisi dan takrif istilah-istilah utama dalam buku *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* karya Mahmud al-Ṭaḥḥān.
2. Menghuraikan bentuk kritikan yang dikemukakan oleh Tāriq 'Iwaḍullah dalam *Islāh al-Isṭilāh* terhadap definisi-definisi yang dinyatakan dalam buku *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*.
3. Menyimpulkan sama ada kritikan yang dikeluarkan oleh Tāriq 'Iwaḍullah dalam *Islāh al-Isṭilāh* sebagai tepat atau tidak.

1.1 Biografi Maḥmūd al-Ṭaḥḥān

Nama penuh beliau ialah Abū Ḥafṣ Maḥmūd bin Aḥmad al-Ṭaḥḥān al-Ḥalabī al-Nu`aymī. Dilahirkan di Halab pada tahun 1935, dibesarkan dalam keluarga yang kuat berpegang kepada agama dan mementingkan ilmu. Beliau memulakan pengajian agamanya dengan menghafal al-Quran semasa beliau berada di sekolah menengah di Halab dan selesai hafalannya dalam tempoh 2 tahun. Pada tahun 1956, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama di Kuliah Syariah di Universiti Damsyiq dan tamat pengajian pada 1960 dengan keputusan yang cemerlang. Pada tahun 1969, beliau telah memperoleh ijazah sarjana dari Universiti Islam Madinah. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah kedoktoran dalam bidang ilmu hadith di Universiti al-Azhar. Pada tahun 1971, beliau telah berjaya mendapatkan ijazah kedoktoran dengan keputusan yang cemerlang setelah menghasilkan tesis dengan seliaan Doktor `Abd al-Waḥḥāb `Abd al-Laṭīf yang bertajuk *al-Ḥāfiẓ al-Khaṭīb al-Baghdādī Wa Atharuh Fī Ulūm al-Ḥadīth*.

Antara guru beliau di Syria ialah bekas mufti Manbij, Jumu`ah Abu Zalām, `Abd al-Waḥḥāb Sakr, Muḥammad Abū al-Khayr Zayn al-`Ābidīn, Muḥammad al-Mallāḥ, tokoh qiraat Halab, Muḥammad Najīb al-Khiyāṭah, dan selainnya. Ketika beliau berada di Mesir, beliau sempat berguru dengan beberapa tokoh di al-Azhar seperti Muḥammad Muḥammad Abū Zahū dan Muḥammad al-Sammāḥī.

Maḥmūd al-Ṭaḥḥān pernah bertugas sebagai seorang imam dan khatib di masjid di sekitar Halab. Kemudian beliau menjadi guru bagi mata pelajaran *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah* di beberapa buah sekolah sehingga tahun 1965. Selepas tamat pengajian beliau di peringkat ijazah kedoktoran, beliau bertugas selama 7 tahun sebagai seorang pensyarah di Kuliah Syariah di Universiti Islam al-Imām Muḥammad bin Sa`ūd, Riyadh. Setelah itu, beliau berpindah ke Kuwait dan menjadi profesor dalam bidang hadith di *Kuliyah al-Syarī`ah wa al-Dirāsah al-Islāmiyyah*, Universiti Kuwait. Beliau menetap di sana sehingga beliau berumur 70 tahun dan kemudiannya beliau kembali ke Halab pada tahun 2005 dan menetap di sana sehinggalah beliau meninggal dunia pada 24 November 2022 di usia 87 tahun (Midād, t.t. Tajammu` Du`āt al-Syām, 2022).

1.2 Pengenalan Kitab *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*

Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth ditulis oleh Maḥmūd al-Ṭaḥḥān ketika beliau bertugas sebagai seorang pensyarah di Universiti Islam al-Imām Muḥammad

bin Sa'ūd, Riyadh (al-Ṭahhān, 2011). Karya ini dikira sebagai antara karya kontemporari terpenting dalam ilmu hadith di mana banyak universiti menjadikannya sebagai silibus pengajian ilmu hadith dan telah menjadi rujukan para ilmuan dan pengkaji. Maḥmūd al-Ṭahhān telah menjadikan karya beliau ini sebagai sebuah karya yang mudah untuk diajarkan di universiti-universiti dengan menggunakan laras bahasa yang mudah difahami (Tajammu' Du'āt al-Syām, 2022).

Pada bahagian pendahuluan buku, Maḥmūd al-Ṭahhān menyatakan bahawa beliau mendapati para pelajar di Universiti Islam Madinah ketika itu menghadapi kesukaran untuk memahami mata pelajaran mustalah hadith. Hal ini berpunca daripada silibus yang telah ditetapkan oleh pihak universiti adalah buku *Ulūm al-Ḥadīth* oleh Ibn al-Ṣalāḥ dan *al-Taqrīb* oleh al-Nawawī. Beliau juga menyatakan bahawa buku-buku ini susah untuk difahami kerana laras bahasanya agak tinggi, perbahasannya panjang lebar, dan juga tidak menyentuh aspek-aspek penting seperti buku-buku yang popular bagi setiap bab. Maka tujuan beliau mengarang *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* ini adalah untuk memudahkan pelajar kuliah syariah memahami istilah-istilah dan kaedah-kaedah ilmu hadith dengan menggunakan laras bahasa yang mudah difahami dan tidak menyebut perbezaan antara para ilmuan hadith dengan panjang lebar (Al-Ṭahhān, 2011).

1.3 Biografi Ṭāriq 'Iwaḍullah

Ṭāriq bin 'Iwaḍullah Muḥammad telah dilahirkan di Mesir pada 1 Mei 1963. Beliau telah mendapat pendidikan di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang bahasa arab dan pengajian Islam dari Kuliyyah Dār al-'Ulūm, Universiti Kaherah. Antara guru-guru beliau ialah Muḥammad Jamīl Ghāzī, Muḥammad Baltājī, Muṣṭafā Ḥilmī, Abū Ishāq al-Ḥuwaynī dan Muḥammad 'Amrū 'Abd al-Laṭīf.

Semenjak lebih dari 20 tahun, Ṭāriq 'Iwaḍullah sering menyampaikan ilmu di masjid-masjid sekitar Kaherah. Kesarjanaan beliau dalam bidang hadith telah mendapat pujian daripada ramai ilmuwan hadith sezaman seperti Abū Ishāq al-Ḥuwaynī, Muḥammad 'Amrū 'Abd al-Laṭīf, dan 'Abd al-Karīm al-Khuḍayr (Universiti Islam Minnesota, t.t.). Pada tahun 2016, beliau telah memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang hadith dan *'Ulūm al-Ḥadīth* dari Universiti Islam Minnesota, Amerika Syarikat dan seterusnya kini bertugas di universiti tersebut sebagai seorang pensyarah.

1.4 Pengenalan karya *Islāh al-Istilāh*

Nama penuh bagi buku ini ialah *Islāh al-Istilāh: Naqd Kitāb Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth li al-Duktūr Maḥmūd al-Ṭaḥḥān*. Ṭāriq ‘Iwaḍullah menyatakan bahawa selama lebih 10 tahun, pihak pengurusan masjid di sekitar Kaherah sering meminta beliau mengajarkan sebuah kitab ringkas yang sesuai untuk pelajar peringkat asas. Justeru, beliau memilih kitab *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* dan mengajarkannya di masjid-masjid tersebut. Ketika mensyarahkan buku ini, beliau mendapati ada beberapa perkara yang terdapat dalam buku *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* ini yang perlu diulas, sama ada dalam bentuk kritikan ataupun penambahan keterangan.

Ṭāriq ‘Iwaḍullah menyebut isi kandungan buku beliau ini bukanlah keseluruhannya terdiri daripada kritikan, akan tetapi ia juga mengandungi keterangan dan huraian terhadap apa yang disebut oleh Maḥmūd al-Ṭaḥḥān secara ringkas. Walau bagaimanapun, Ṭāriq ‘Iwaḍullah tetap menyatakan bahawa buku *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* sebuah buku yang bermanfaat dan mudah untuk pelajar di peringkat pemula untuk memahami ilmu hadith (Ṭāriq ‘Iwaḍullah, 2009).

2. Skop Dan Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan kualitatif adalah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam (Ahmad Sunawari Long, 2015; Idris, 2018; Jamil, 2019) seperti mengkaji berkenaan analisis kritikan Ṭāriq ‘Iwaḍullah terhadap takrif istilah yang terdapat dalam buku *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Kajian kualitatif ini melibatkan teknik pengumpulan data melalui antaranya melalui analisis dokumen (John Van Maaneen, 1983).

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti takrif yang tepat bagi sesuatu istilah seperti yang telah disebutkan oleh para ilmuwan hadith. Selain itu, kajian ini akan mengumpulkan kritikan takrif Ṭāriq ‘Iwaḍullah dalam karyanya *Islāh al-Istilāh: Naqd Kitāb Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth li al-Duktūr Maḥmūd al-Ṭaḥḥān*. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan *digital library* seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi yang tepat bagi istilah-istilah dalam *Muṣṭalah al-Ḥadīth* oleh para ilmuwan klasik dan kontemporari. Selain

itu, konsep dan metodologi penilaian hadith juga akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan yang muktabar. Seterusnya, kajian juga melihat kepada kesesuaian buku *Taysir Muṣṭalah al-Ḥadīth* digunakan sebagai modul pembelajaran.

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1 Konsep Analisis Karya

Menurut Alex Zvargulis R. (2021), kajian karya merupakan suatu proses menganalisis sumber, metodologi dan melakukan penilaian terhadap karya. Justeru, kajian ini akan menyenaraikan taburan kritikan-kritikan yang dikeluarkan oleh Tāriq ‘Iwaḍullah. Taburan juga dikelaskan mengikut tema dan bab berserta muka surat agar rujukan dapat dilakukan. Seterusnya analisis akan dijalankan agar penilaian dapat dibentuk ke atas karya *Islāh al-Istilāh* dan akhirnya kesimpulan dapat dikeluarkan mengenai relevansi *Taysir Muṣṭalah al-Ḥadīth* sebagai rujukan dan silibus utama di universiti.

Namun begitu, seperti yang disebutkan oleh Tāriq ‘Iwaḍullah bahawa tidak semua perbincangan berunsurkan kritikan bahkan ada yang berunsurkan huraian perkataan, persetujuan dan sebagainya. Justeru itu, pemilihan kritikan melihat kepada unsur kesilapan, kurang tepat dan pemilihan pandangan yang tidak sesuai. Taburan kritikan boleh dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Kritikan Tāriq ‘Iwaḍullah

Bil.	Bab	Isu	Ms
1.	<i>Ta’rīfāt Awwaliyah</i>	Kekeliruan dalam pendefinisian ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i> Perletakan topik ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i> yang kurang tepat Perletakan kaedah mempelajari ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i> yang kurang tepat Tidak menyebutkan definisi lain bagi <i>Ḥadīth</i> Kesilapan membezakan terma <i>al-Sanad</i> dan <i>al-Isnād</i> Kesilapan mengkhususkan terma <i>al-Musnad</i> dengan jenis buku hadith Perletakan definisi <i>al-Musnid</i> yang kurang masyhur digunakan Perletakan definisi <i>al-Muhaddith</i> yang kurang masyhur digunakan	13 - 37

		Perletakan definisi <i>al-Hāfiz</i> yang kurang masyhur digunakan Kesilapan meletakkan definisi bagi <i>al-Hākim</i>	
2.	<i>Khabar Mutawātir</i>	Pemilihan pandangan tidak sesuai mengenai jumlah perawi hadith <i>Mutawātir</i> Kesilapan memasukkan contoh hadith <i>Mutawātir</i>	38 - 60
3.	<i>Khabar Ahād</i>	Teguran agar menambah huraian terhadap hukum <i>Khabar Ahād</i>	60 - 63
4.	<i>Al-Masyhūr</i>	Kesilapan memasukkan contoh hadith <i>al-Masyhūr</i>	64 - 74
5.	<i>Al-Sahīh</i>	Perletakan definisi <i>ḍabt</i> yang kurang sesuai Perletakan sebab hadith sahih yang kurang tepat Kesilapan memahami perkataan al-Bukhārī mengenai jumlah hadith yang dihafal Pemilihan pandangan tidak sesuai mengenai jumlah hadith dalam <i>Sahīh al-Bukhārī</i> dan <i>Muslim</i> Kesilapan memahami syarat al-Hākim dalam karya <i>al-Mustadrak</i> Tidak menyebutkan isu hadith tidak sahih dalam <i>Sahīh Muslim</i>	79 - 127
6.	<i>Al-Hasan</i>	Kesilapan memahami kedudukan definisi <i>al-Hasan</i> Kesilapan melabelkan tokoh yang menyamakan definisi <i>al-Hasan</i> dan <i>al-Sahīh</i> sebagai <i>mutasāhil</i> Kesilapan memasukkan contoh hadith <i>al-Hasan</i> Kesilapan menjelaskan isu perkataan ilmuwan hadith <i>hāzā ḥadīth saḥīh al-Isnād</i> Kesilapan memahami isu perkataan al-Tirmizī <i>ḥadīth hasan saḥīh</i> Pemilihan pandangan yang dikritik berkenaan pembahagian <i>saḥīh</i> dan <i>hasan</i> oleh al-Baghawī Kesilapan memahami metodologi Abū Dāwud mengenai hadith yang didiamkannya	128 - 181
7.	<i>Al-Sahīh li Ghairihi</i>	Kesilapan mengenai pembahagian hadith <i>al-Sahīh li Ghairihi</i>	182 - 184
8.	<i>Al-Nāsikh fī al-Hadīth wa Mansūkhuhu</i>	Kesilapan mengeluarkan contoh hadith yang telah dinasakhsan	185 - 189
9.	<i>Al-Ḍa'if</i>	Kesilapan memahami konsep hadith <i>ḍa'if</i> menurut Ibn Hajar	190 - 194
10.	<i>Al-Mursal</i>	Pemilihan contoh hadith <i>al-Mursal</i> yang kurang tepat Kesilapan meletakkan definisi <i>al-Mursal</i> di sisi para fuqaha'	209 - 215

11.	<i>Al-Mu'dal</i>	Perletakan definisi <i>al-Mu'dal</i> yang kurang tepat	216 - 218
12.	<i>Al-Munqati'</i>	Perletakan contoh hadith <i>al-Munqati'</i> yang tidak tepat	222 - 223
13.	<i>Al-Mudallas</i>	Pemilihan definisi <i>tadlis al-Isnād</i> yang kurang tepat	224 - 232
14.	<i>Al-Mursal al-Khafī</i>	Perletakan definisi <i>al-Mursal al-Khafī</i> yang kurang tepat Pemilihan contoh hadith <i>al-Mursal al-Khafī</i> yang salah	239 - 242
15.	<i>Al-Mu'an'an wa al-Muannan</i>	Perletakan hukum hadith <i>al-Mu'an'an</i> yang tidak jelas	243 - 248
16.	<i>Al-Maudhū'</i>	Perletakan sebab hadith <i>al-Maudhū'</i> yang tidak jelas	249 - 252
17.	<i>Al-Matrūk</i>	Perletakan definisi <i>al-Matrūk</i> yang kurang tepat Perletakan contoh yang kurang sesuai	262 - 267
18.	<i>Al-Munkar</i>	Perletakan definisi <i>al-Munkar</i> yang kurang tepat Kesilapan membezakan <i>al-Syādh</i> dan <i>al-Munkar</i> Kesilapan menukulkan contoh tanpa semakan asal	268 - 295
19.	<i>Al-Ma'rūf</i>	Kesilapan mendefinisikan <i>al-Ma'rūf</i>	296 - 297
20.	<i>Al-Mudtarib</i>	Perletakan definisi <i>al-Mudtarib</i> yang kurang tepat Perletakan contoh <i>al-Mudtarib</i> sanad yang kurang tepat Perletakan definisi <i>al-Mudtarib</i> matan yang kurang tepat	298 - 321
21.	<i>Al-Syādh wa al-Mahfūz</i>	Perletakan definisi <i>al-Syādh</i> yang kurang tepat Perletakan definisi <i>al-Mahfūz</i> yang kurang tepat	322 – 323
22.	<i>Al-Bid'ah</i>	Kesilapan memahami isu perawi ahli bid'ah	324 – 335
23.	<i>Sū'u al-Hifz</i>	Perletakan huraian <i>Sū'u al-Hifz</i> yang tidak menyeluruh	336 – 338
24.	<i>Al-Muttasil</i>	Perletakan definisi <i>al-Muttasil</i> yang tidak tepat	347 - 348
25.	<i>Ziyādah al-Thiqah</i>	Perletakan contoh tokoh yang mampu menilai <i>Ziyādah al-Thiqah</i> tidak tepat	349 – 350
26.	<i>Al-I'tibār wa al-Mutābi' wa al-Syāhid</i>	Perletakan definisi <i>al-I'tibār</i> yang kurang tepat	351 – 352
27.	<i>Kitābah al-Hadīth wa Ḍabtuhu wa al-Tasnīf fīhi</i>	Kesilapan menjelaskan metodologi karya <i>al-Mu'jam al-Tabarāni</i>	353 – 354

28.	<i>Gharīb al-Hadīth</i>	Perletakan contoh <i>Gharīb al-Hadīth</i> yang tidak tepat	355 – 356
29.	<i>Ma'rifah al-Alqāb</i>	Pembahagian <i>al-Alqāb</i> yang tidak tepat	357 - 359

Rujukan: Analisis pengkaji daripada Tāriq 'Iwaḍullah (2009)

Taburan menunjukkan daripada sejumlah 30 bab karya *Islāh al-Istilāh* ini, Tāriq 'Iwaḍullah mengeluarkan kritikan pada 29 bab. Namun begitu, tidak semua perbahasan dalam bab-bab tersebut berunsurkan kritikan bahkan terdapat beberapa isu beliau hanya bersetuju atau menghuraikan pandangan penulis agar tidak disalahfahami. Hal ini seperti contoh berkaitan isu hukum hadith *Mutawātir*, Maḥmūd al-Ṭaḥḥān menyatakan hadith *Mutawātir* memberi faedah ilmu *al-Darūrī* dan tidak memerlukan perbahasan perawi lagi. Tāriq 'Iwaḍullah bersetuju dengan pandangan ini bahkan memberikan huraian yang lebih jelas agar pembaca tidak salah faham dengan maksud perkataan Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. Begitu juga perbandingan dilakukan antara kesemua sub-topik isi kandungan dan jumlah kritikan mendapati Tāriq 'Iwaḍullah mengeluarkan kritikan pada 67 tempat berbanding sejumlah 146 isu yang digariskan oleh beliau. Hal ini menunjukkan jumlah kritikan yang dikeluarkan lebih kecil nisbahnya berbanding huraian atau persetujuan beliau dengan Maḥmūd al-Ṭaḥḥān.

Seterusnya, kajian menumpukan kepada taburan kritikan Tāriq 'Iwaḍullah berkaitan definisi-definisi istilah. Hal ini demikian kerana definisi merupakan asas kefahaman ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Justeru kajian ini meletakkan limitasi analisis hanya terhadap kritikan-kritikan Tāriq 'Iwaḍullah berkaitan definisi istilah. Taburan kritikan tersebut dapat dilihat pada Jadual 2.

Jadual 2: Taburan Kritikan Tāriq 'Iwaḍullah Berkaitan Definisi Istilah

Bil.	Bab	Isu	Ms
1.	<i>Ta'rīfāt Awwaliyah</i>	Kekeliruan dalam pendefinisian ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i> Tidak menyebutkan definisi lain bagi <i>Ḥadīth</i> Perletakan definisi <i>al-Musnid</i> yang kurang masyhur digunakan Perletakan definisi <i>al-Muhaddith</i> yang kurang masyhur digunakan Perletakan definisi <i>al-Hāfiz</i> yang kurang masyhur digunakan Kesilapan meletakkan definisi bagi <i>al-Hākīm</i>	13 - 37
2.	<i>Al-Sahīh</i>	Perletakan definisi <i>ḍabt</i> yang kurang sesuai	79 - 127

3.	<i>Al-Hasan</i>	Kesilapan memahami kedudukan definisi <i>al-Hasan</i>	128 - 181
4.	<i>Al-Mursal</i>	Kesilapan meletakkan definisi <i>al-Mursal</i> di sisi para fuqaha'	209 - 215
5.	<i>Al-Mu'dal</i>	Perletakan definisi <i>al-Mu'dal</i> yang kurang tepat	216 - 218
6.	<i>Al-Mudallas</i>	Pemilihan definisi <i>Tadlīs al-Isnād</i> yang kurang tepat	224 - 232
7.	<i>Al-Mursal al-Khafī</i>	Perletakan definisi <i>al-Mursal al-Khafī</i> yang kurang tepat	239 - 242
8.	<i>Al-Matrūk</i>	Perletakan definisi <i>al-Matrūk</i> yang kurang tepat	262 - 267
9.	<i>Al-Munkar</i>	Perletakan definisi <i>al-Munkar</i> yang kurang tepat	268 - 295
10.	<i>Al-Ma'rūf</i>	Kesilapan mendefinisikan <i>al-Ma'rūf</i>	296 - 297
11.	<i>Al-Mudtarib</i>	Perletakan definisi <i>al-Mudtarib</i> yang kurang tepat Perletakan definisi <i>al-Mudtarib</i> matan yang kurang tepat	298 - 321
12.	<i>Al-Syādh wa al-Mahfūz</i>	Perletakan definisi <i>al-Syādh</i> yang kurang tepat Perletakan definisi <i>al-Mahfūz</i> yang kurang tepat	322 - 323
13.	<i>Al-Muttasil</i>	Perletakan definisi <i>al-Muttasil</i> yang kurang tepat	347 - 348
15.	<i>Al-I'tibār wa al-Mutābi' wa al-Syāhid</i>	Perletakan definisi <i>al-I'tibār</i> yang kurang tepat	351 - 352

Rujukan: Analisis pengkaji daripada Tāriq 'Iwaḍullah (2009)

Hasil taburan mendapati daripada sejumlah 67 tempat Tāriq 'Iwaḍullah mengeluarkan kritikan dalam karya beliau, hanya 21 tempat kritikan yang memfokuskan subjek definisi bagi istilah.

3.2 Analisis Kritikan Tāriq 'Iwaḍullah

Melalui hasil taburan di atas, pengkaji dapat simpulkan bahawa kritikan Tāriq 'Iwaḍullah terhadap takrif yang dikemukakan oleh Maḥmūd al-Ṭaḥḥān tertumpu kepada beberapa sudut iaitu tidak menyatakan takrif lain bagi sesuatu istilah dan juga ketidaktepatan takrif.

Berkenaan dengan kritikan Tāriq 'Iwaḍullah terhadap Maḥmūd al-Ṭaḥḥān bahawa beliau tidak menyatakan takrif lain bagi sesuatu istilah, pengkaji mendapati Maḥmūd al-Ṭaḥḥān tidak melakukan sebarang kesalahan. Hal ini kerana Maḥmūd al-Ṭaḥḥān sendiri sudah menyatakan di bahagian

pendahuluan buku *Taysir Muṣṭalah al-Ḥadīth* bahawa beliau tidak berhajat untuk membahaskan pandangan yang pelbagai dan permasalahan yang mendalam bagi meraikan kelemahan para pelajar dalam ilmu hadith. Begitu juga beliau menyatakan bahawa beliau tidaklah melihat buku beliau ini sudah memadai untuk para pelajar, bahkan ia sebagai pembuka jalan untuk memahami buku-buku yang telah ditulis oleh para ilmuan hadith silam. Maka apabila beliau tidak menyatakan pandangan-pandangan lain bagi takrif sesuatu istilah, ia tidak menjadi suatu perkara yang salah.

Sebagai contoh, ketika mana Maḥmūd al-Ṭaḥḥān memberikan takrif kepada hadith *mu'ḍal* bahawa ia hadith yang terputusnya sanadnya dua orang perawi atau lebih secara berturutan, Ṭāriq 'Iwaḍullah menyatakan bahawa di sana terdapat jenis lain bagi *mu'ḍal* yang tidak disebut oleh Maḥmūd al-Ṭaḥḥān iaitu hadith muttaṣil musnad yang diriwayatkan oleh Ṭābi' al-Ṭābi'īn dan terhenti kepada al-Ṭābi'īn tanpa menyebut daripada sahabat dan Nabi SAW. Dalam bentuk ini, nama sahabat dan Nabi SAW digugurkan dari sanad walaupun pada asalnya ia hadith muttaṣil musnad. Menurut Ṭāriq 'Iwaḍullah, jenis *mu'ḍal* ini juga telah disebutkan oleh al-Ḥākim, Ibn al-Ṣalāḥ, al-'Irāqī dan Ibn Ḥajar (Ṭāriq 'Iwaḍullah, 2009). Menurut pengkaji, Maḥmūd al-Ṭaḥḥān tidak melakukan sebarang kesalahan, bahkan beliau sekadar menyebut takrif yang masyhur. Perkara ini juga telah dilakukan oleh ilmuan hadith silam apabila membahaskan takrif istilah dalam buku mustalah hadith peringkat permulaan. Ibn Ḥajar dalam *Nuzḥah al-Nazar* juga memadai dengan membawa takrif *mu'ḍal* sepertimana yang disebutkan oleh Maḥmūd al-Ṭaḥḥān tanpa membawa takrifan-takrifan lain (Al-'Asqalānī, 2011). Ini juga telah dilakukan oleh penulis kitab mustalah hadith kontemporari seperti Abu al-Layth (2015) dalam *ʿUlūm al-Ḥadīth Aṣīluhā Wa Mu'āṣiruhā*.

Berkenaan dengan ketidaktepatan takrif, pengkaji dapati Ṭāriq 'Iwaḍullah mengkritik takrifan Maḥmūd al-Ṭaḥḥān kerana ia tidak selari dengan takrifan dan praktikal ulama hadith terdahulu. Sebagai contoh, menurut Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, hadith *syādh* ialah hadith yang diriwayatkan oleh perawi *maqḥūl* akan tetapi bercanggah dengan perawi yang lebih utama manakala hadith munkar ialah hadith yang diriwayatkan oleh perawi lemah akan tetapi bercanggah dengan perawi thiqah. Ṭāriq 'Iwaḍullah (2009) mendakwa bahawa ilmuan pertama yang membezakan antara *syādh* dan *munkar* ialah Ibn Ḥajar.

Menurut Ṭāriq 'Iwaḍullah, takrif ini tidak tepat kerana dari sudut praktikal ulama hadith, munkar ialah hadith yang diriwayatkan oleh perawi secara *tafarrud* dalam keadaan dia tidak layak untuk *tafarrud*. Sebagai contoh, jika seorang perawi itu lemah, maka asal bagi *tafarrud*nya itu munkar, begitu juga dengan perawi thiqah, jika dia meriwayatkan hadith dari gurunya secara *tafarrud* dan dia sendiri tidak mahir dengan riwayat-riwayat gurunya itu, dan tidak juga dikenali sebagai murid yang sering melazimi guru tersebut, maka


ketika itu hadithnya itu dikira sebagai munkar. Maka munkar pada praktikal ulama hadith tidak sekadar bergantung kepada status perawi, bahkan bergantung juga pada riwayat dan sejauh mana kelayakan perawi tersebut untuk *tafarrud* (Ṭāriq 'Iwaḍullah, 2009).

Menurut Ṭāriq 'Iwaḍullah lagi, ulama hadith tidak membezakan antara *syādh* dan *munkar*. Mereka menggunakan kedua-dua lafaz ini untuk menyatakan bahawa berlaku kesilapan dalam riwayat tanpa mengira status perawi sama ada dia *maqbul* atau lemah, dan juga tanpa mengira sama ada berlaku *mukhālafah* atau tidak (Ṭāriq 'Iwaḍullah, 2009).

Begitu juga dengan istilah *ma'rūf* dan *mahfūz*, Maḥmūd al-Ṭaḥḥān mengikuti takrifan Ibn Ḥajar di mana *ma'rūf* merupakan lawan bagi *munkar* dan *mahfūz* merupakan lawan bagi *syādh*. Ṭāriq 'Iwaḍullah (2005) mengatakan bahawa tidak disyaratkan riwayat thiqah mesti berlawanan dengan riwayat lemah untuk dikira sebagai *ma'rūf* dan tidak juga disyaratkan riwayat *thiqah* mesti berlawanan dengan riwayat yang kurang thiqah untuk dikira sebagai *mahfūz*, bahkan *ma'rūf* dan *mahfūz* ialah riwayat yang sahih dan sabit biarpun tidak wujud percanggahan antaranya dengan *syādh* dan *munkar*. Pandangan Ṭāriq 'Iwaḍullah ini juga mirip seperti mana yang telah dinyatakan oleh Ḥātim al-'Awnī (1996). Menurut beliau, pembahagian (*ma'rūf* merupakan lawan bagi *munkar* dan *mahfūz* merupakan lawan bagi *syādh*) ini tidak pernah disebut oleh ilmuan sebelumnya, bahkan buku-buku *'ilal* dipenuhi dengan lafaz *ma'rūf* dan *mahfūz* yang tidak sama maknanya dengan takrifan Ibn Ḥajar.

Selain itu, kritikan Ṭāriq 'Iwaḍullah terhadap takrifan Maḥmūd al-Ṭaḥḥān juga tertumpu pada kesalahan dalam mentarjih takrif. Sebagai contoh, ketika membahaskan takrif hadith *ḥasan*, Maḥmūd al-Ṭaḥḥān menyebut takrif *ḥasan* di sisi al-Khaṭṭābī, al-Tirmidhī dan Ibn Ḥajar dan kemudian memilih takrif Ibn Ḥajar sebagai takrif yang tepat (Ṭāriq 'Iwaḍullah, 2009). Pandangan Maḥmūd al-Ṭaḥḥān ini dikritik oleh Ṭāriq 'Iwaḍullah kerana penggunaan *ḥasan* di sisi al-Khaṭṭābī dan al-Tirmidhī berbeza dengan penggunaan *ḥasan* di sisi Ibn Ḥajar. Maka mentarjih antara ketiga-tiga takrif ini merupakan pandangan yang salah kerana sesuatu istilah itu mestilah difahami mengikut kehendak pengucapnya. Apabila al-Tirmidhī menggunakan istilah *ḥasan*, maka hendaklah difahami maknanya mengikut kehendak al-Tirmidhī, begitu juga halnya dengan al-Khaṭṭābī. Selain itu, tarjih Maḥmūd al-Ṭaḥḥān ini juga dikritik kerana memberi gambaran seolah-olah Ibn Ḥajar tidak mengambil pandangan al-Khaṭṭābī dan al-Tirmidhī dan takrif Ibn Ḥajar berbeza dengan mereka berdua, sedangkan Ibn Ḥajar (juga seperti Ibn al-Ṣalāh) meletakkan takrif al-Khaṭṭābī kepada *al-ḥasan li dhātih* manakala takrif al-Tirmidhī kepada *al-ḥasan li ghayrih* (Ṭāriq 'Iwaḍullah, 2009). Kesimpulan umum daripada kritikan Ṭāriq 'Iwaḍullah dapat dilihat daripada rajah di bawah:

Rajah 1: Kesimpulan kritikan Tāriq 'Iwaḍullah



Rujukan: Analisis Pengkaji

4. Kesimpulan

Buku *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* oleh Mahmud al-Ṭaḥḥān merupakan buku yang sangat baik bagi penuntut ilmu hadith peringkat permulaan. Hal ini kerana penulis tidak membawakan perbahasan-perbahasan yang begitu mendalam, bahkan beliau mengolah isu-isu tertentu dengan bahasa yang mudah difahami.

Walaubagaimanapun, buku ini telah dikritik oleh sarjana hadith kontemporari, Tāriq 'Iwaḍullah dalam bukunya *Islāh al-Istilāh: Naqd Kitāb Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth li al-Duktūr Maḥmūd al-Ṭaḥḥān*. Terdapat pelbagai aspek yang telah dikritik oleh Tāriq antaranya aspek takrif. Di dalam buku ini, Tāriq telah mengkritik sekurang-kurangnya 15 takrifan yang dinyatakan oleh al-Ṭaḥḥān. Setakat pemerhatian pengkaji, kritikan terhadap takrifan al-Ṭaḥḥān yang dilontarkan oleh Tāriq tertumpu kepada dua faktor. Yang pertama, al-Ṭaḥḥān memadai dengan satu takrifan tanpa membahaskan perbezaan pandangan dalam kalangan sarjana dalam mentakrifkan sesuatu istilah. Menurut pengkaji, beliau sendiri telah menyatakan di bahagian pendahuluan buku bahawa beliau meninggalkannya secara sengaja kerana bukanlah di sini tempatnya untuk al-Ṭaḥḥān membahaskan secara panjang lebar mengenai perbezaan-perbezaan antara para sarjana kerana tujuan utama beliau menulis *Taysīr Muṣṭalah al-ḥadīth* adalah untuk pelajar di peringkat permulaan.

Selain itu, antara faktor yang mendorong Tāriq untuk mengkritik takrifan dalam *Taysīr* adalah faktor ketepatan takrifan yang mana menurut beliau, al-Ṭaḥḥān sering membawakan takrifan yang tidak selari dengan takrifan ilmuan silam. Ada ketika, al-Ṭaḥḥān membawakan pelbagai takrifan ulama silam, kemudian beliau mentarjīh salah satu daripadanya, akan tetapi menurut Tāriq, tarjīh al-Ṭaḥḥān ada ketika tidak tepat.

5. Penghargaan

Kajian ini adalah dapatan bersumberkan Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) (Kod penyelidikan: STG-094/2024) yang diterima daripada pihak Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UNISIRAJ). Pengambilkiraan ucapan terima kasih juga kepada pihak-pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini..

Rujukan

- Abdul Halim, A., Yabi, S., & Hoque, M. (2019). Penglibatan ahli akademik terhadap pengajaran hadith. *Journal of Hadith Studies*, 4(1), 2550-1448.
- Ahmad Sunawari Long. (2015). Metodologi penyelidikan pengajian Islam . Penerbit UKM Press. <https://ilhambooks.com/metodologi-penyelidikan-pengajian-islam/>
- Al-Asqalānī, A. bin A. bin Ḥ. (2011). *Nuzhah al-Nazar fī Tawḍīh Nukhbah al-Fikar*. Kaherah: Dār al-Baṣā'ir.
- Al-Jawharī, M. R. (2012). *Ḍawābiṭ al-Fikar*. Kaherah: Universiti al-Azhar.
- Al-Ṭaḥḥān, M. (2011). *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.
- Awnī, Ḥ. bin `Ā. (1996). *Al-Manhaj al-Muqtarah li Fahmi al-Muṣṭalah*. Riyadh: Dār al-Hijrah.
- Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi. (2024). *Al-Mūqizah fī Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Terengganu: Beyt Atiq Enterprise.
- Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi. (2024). Konsep Kritik Matan Dan Aplikasinya Dalam Kitab Al-Tamyīz Karangan Muslim Bin Al-Ḥajjāj: The Concept Of Matan Critism And Its Application In The Book Al-Tamyīz By Muslim Bin Ḥajjāj. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 1-15. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/327>.
- Halimah Haji Ahmad. (2015). Kepentingan kajian sikap dalam penentuan istilah bahasa Melayu. *Mastera DBP*.
- Islamonline. (n.d.). *Al-Syaykh Maḥmūd Al-Ṭaḥḥān*. Diakses daripada: <https://islamonline.net/%D8%A7%D9%84%D8%B4%D9%8A%D8%AE-%D9%85%D8%AD%D9%85%D9%88%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D8%B7%D8%AD%D8%A7%D9%86/>.
- Jamil, K. H. B. (2019). Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian. By Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. In *Intellectual Discourse*, 28(1). Universiti Malaya.
- Khalilullah Amin Ahmad, M., Mat Sin, M. L., Abdul Hamid, S., Abdul Rahman, N., & Abdul Halim, A. (2023). Silibus kursus mustalah al-hadith: Kajian perbandingan terhadap penerimaan pelajar di institut pengajian tinggi (IPT) Islam. *Journal of Hadith Studies*, 8(2).
- Maḥmūd Ahmad al-Ṭaḥḥān. (n.d.). Midad. Diakses daripada: <https://midad.com/scholar/46658/%D9%85%D8%AD%D9%85%D9%88%D8%AF-%D8%A3%D8%AD%D9%85%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D8%B7%D8%AD%D8%A7%D9%86>.
- Mohd Awang Idris, H., Muhamad, H., & Zirwatul Aida R. Ibrahim, R. (2018). *Metodologi penyelidikan sains sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mohd Sobali, A., Alias, N., Mohamed Nor, Z., & Azmi, A. S. (2011). Metodologi pengajian ulum al-hadith: Antara keperluan penghafalan matan (mustalah al-hadith) dengan pengajaran secara moden. Dalam buku Fauzi Deraman, I. Sulieman, & F. Shah Ahmad (Eds.), *Sunnah Nabi: Realiti dan cabaran* (pp. 331-340). Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran & al-Hadith Universiti Malaya.
- Muhammad Abu al-Layth. (2015). *Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā wa Muāṣiruhā*. Kaherah: Dār al-Kalimah.
- Tajammu' Du'āt al-Syām. (2022). *Wafāt al-Allāmah Maḥmūd al-Ṭaḥḥān wa tarjamah mūjizah lahu*. Diakses daripada: <https://www.do3atalsham.com/?p=31286>.
- Ṭāriq 'Iwāḍullah. (2009). *Islāh al-Istilāh: Naqd Kitāb Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth li al-Duktūr Maḥmūd al-Ṭaḥḥān*. Giza: Maktabah al-Taw'iyyah al-Islāmiyyah.
- Ṭāriq 'Iwāḍullah. (2011). *Syarḥ Nuzḥah al-Nazar*. Kaherah: Dār al-Ma'thūr.
- Universiti Islam Minnesota. (n.d.). *Tarek Awadallah*. Diakses daripada: <https://www.iuMinnesota.com/faculty/tarek-awadallah-phd>.
- Van Maaneen, J. (1983). *Qualitative methodology*. Beverly Hills, CA: Sage Publication.
- Zvargulis, A. R. (2021). *How to write an academic book review*. San José: San José State University Writing Center.